

BAB 2

Prestasi PKS di Malaysia



Bab 2

Prestasi PKS di Malaysia




Kepelbagaian ciri dan prestasi PKS bukan sahaja dapat meningkatkan daya ketahanan mereka tetapi telah juga menghasilkan sumbangan yang lebih tinggi kepada ekonomi pada tahun 2019 meskipun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar sepanjang tahun tersebut. PKS menyumbang sebanyak 38.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) keseluruhan, 48.4% kepada jumlah guna tenaga dan 17.9% kepada jumlah eksport.

Permintaan dalam negeri kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, termasuk PKS.

KDNK PKS

Pertumbuhan KDNK PKS berkembang pada kadar sederhana iaitu sebanyak 5.8% pada tahun 2019 berbanding 6.2% pada tahun sebelumnya, sejajar dengan kelembapan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 disebabkan oleh persekitaran ekonomi global yang mencabar dan gangguan bekalan dalam negeri. Walau bagaimanapun, prestasi pertumbuhan PKS kekal lebih tinggi daripada KDNK keseluruhan dan KDNK Bukan PKS iaitu masing-masing mencatatkan pertumbuhan 4.3% dan 3.4%, seperti yang ditunjukkan pada Carta 2.1. Perbandingan pertumbuhan KDNK PKS dan Bukan PKS menunjukkan bahawa PKS lebih fleksibel dan pantas untuk berubah berikutan saiz firma yang kecil, dimiliki secara persendirian dan secara relatifnya mempunyai struktur korporat yang lebih ringkas yang semuanya bermanfaat ketika menghadapi krisis.


Carta 2.1: Pertumbuhan KDNK PKS, KDNK Bukan PKS dan KDNK Keseluruhan (%)



¹ Pertumbuhan KDNK PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama bagi PKS 2013
² Pertumbuhan KDNK PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu bagi PKS 2013
³ Pertumbuhan KDNK Bukan PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013
 p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia

Dari segi nilai, KDNK PKS pada harga malar tahun 2015 berjumlah RM552.3 bilion pada tahun 2019 berbanding nilai keseluruhan KDNK iaitu RM1,421.5 bilion. Ini telah menyebabkan sumbangan PKS yang lebih tinggi terhadap KDNK keseluruhan kepada 38.9% pada tahun 2019 daripada 37.3% pada tahun 2018 (rujuk Carta 2.2). Peningkatan trend sumbangan tersebut menunjukkan bahawa PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi negara.

Carta 2.2: Nilai KDNK PKS dan KDNK Keseluruhan (Harga Malar Tahun 2015)



p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia

Semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya, kecuali sektor pertanian dan perlombongan & pengkuarian. Sektor pertanian dan perlombongan & pengkuarian mendapat manfaat masing-masing daripada hasil kelapa sawit yang bertambah baik dan aktiviti perlombongan & pengkuarian lain yang kukuh pada tahun 2019. Sektor perkhidmatan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh iaitu sebanyak 7.4% pada tahun 2019, melebihi purata jangka panjang (2011-2018: 7.2%) kerana penggunaan swasta kekal kukuh. Ini jelas terbukti kerana pada tahun 2019, penggunaan swasta berkembang pada pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.6%, iaitu melebihi purata jangka panjang (2011-2018: 7.0%). Sementara itu, pertumbuhan KDNK PKS dalam semua sektor ekonomi meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding pertumbuhan keseluruhan KDNK (rujuk Jadual 2.2).

Jadual 2.2: Pertumbuhan KDNK PKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

Sektor	KDNK PKS 2018	KDNK PKS 2019	KDNK Keseluruhan 2019
	Pertumbuhan tahunan (%)		
Pertanian	0.3	2.3	2.0
Perlombongan & Pengkuarian	4.3	4.7	-2.0
Pembuatan	5.5	4.5	3.8
Pembinaan	4.0	0.1	0.1
Perkhidmatan	8.1	7.4	6.1
Jumlah	6.2	5.8	4.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi sumbangan mengikut sektor, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK PKS, iaitu merangkumi sebanyak 63.3% pada tahun 2019. Sementara itu, sektor yang lain iaitu sektor pembuatan, pertanian, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang sekitar 19.8%, 9.7%, 5.6% dan 0.5% (rujuk Jadual 2.3). Struktur yang sama dapat dilihat pada sumbangan sektor bagi KDNK keseluruhan kecuali sektor perlombongan & pengkuarian. Sektor perlombongan & pengkuarian menyumbang lebih tinggi sedikit kepada KDNK keseluruhan (7.1%) berbanding KDNK PKS (0.5%).




Jadual 2.3: Bahagian KDNK PKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi pada Tahun 2019 (harga malar tahun 2015)

Sektor	KDNK PKS	KDNK Keseluruhan
	2019 Bahagian Peratusan kepada Keseluruhan (%)	
Perkhidmatan	63.3	57.7
Pembuatan	19.8	22.3
Pertanian	9.7	7.1
Pembinaan	5.6	4.7
Perlombongan & Pengkuarian	0.5	7.1
Campur: duti import	1.1	1.1
Jumlah	100	100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Perkhidmatan

Carta 2.3: Pertumbuhan Nilai Ditambah PKS bagi Subsektor dalam Sektor Perkhidmatan (%)




p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2019, nilai ditambah PKS dalam **sektor perkhidmatan** berkembang sebanyak 7.4% (2018: 8.1%), dengan pertumbuhan kembali ke paras yang wajar berikutan prestasi yang kukuh pada tahun 2018. Dalam sektor perkhidmatan, subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan terpantas sepanjang tahun 2019 iaitu sebanyak 7.7% (2018: 7.5%). Momentum pertumbuhan ini didorong oleh subsektor perkhidmatan perniagaan dan hartanah. Sementara itu, pertumbuhan subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan kekal kukuh, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang teguh dalam keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Subsektor pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi mencatatkan pertumbuhan yang mampan iaitu sebanyak 6.6% pada tahun 2019 (2018: 6.9%), dipacu oleh segmen pengangkutan & penyimpanan yang merangkumi pengangkutan darat, pengangkutan air, pengangkutan udara, penggudangan & aktiviti sokongan dan perkhidmatan pos & kurier. Dari segi komponen nilai ditambah PKS dalam sektor perkhidmatan, hampir dua pertiga daripada nilai ditambah disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Ini disebabkan terutamanya oleh fakta yang menunjukkan bahawa majoriti PKS (64.3%) di Malaysia tertumpu dalam subsektor ini.

Carta 2.4: Komponen Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Perkhidmatan (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pembuatan

Dalam **sektor pembuatan**, nilai ditambah PKS meningkat pada pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 4.5% (2018: 5.5%). Pertumbuhan tersebut terjejas disebabkan oleh pertumbuhan sederhana merentas semua subsektor (rujuk Carta 2.5). Subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang merangkumi sebanyak 22.8% daripada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan PKS berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2019, lebih perlahan daripada pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2018 disebabkan oleh gangguan bekalan komoditi utama pada tahun 2019.




Carta 2.5: Pertumbuhan Nilai Ditambah PKS bagi Subsektor dalam Sektor Pembuatan (%)



p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, subsektor makanan, minuman dan tembakau serta pembuatan lain mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih sederhana bagi tahun 2019, masing-masing pada 3.2% dan 5.3%. Subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka meningkat sebanyak 4.9% (2018: 6.9%), terjejas oleh aktiviti berkaitan pembinaan.


Carta 2.6: Komponen Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pembuatan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pertanian


Carta 2.7: Pertumbuhan Nilai Ditambah PKS bagi Subsektor dalam Sektor Pertanian (%)



p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan nilai ditambah PKS dalam **sektor pertanian** berkembang kepada 2.3% pada tahun 2019 daripada 0.3% pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.7). Pertumbuhan yang lebih tinggi ini dipacu oleh subsektor getah, kelapa sawit, penternakan dan pertanian lain iaitu sebanyak 3.5% (2018: 0.7%), mendapat manfaat daripada hasil kelapa sawit dan pengeluaran getah asli yang bertambah baik. Hampir 80.0% daripada nilai ditambah PKS dalam sektor pertanian terlibat dalam subsektor ini. Aktiviti perikanan dan perhutanan & pembalakan terus mencatatkan penurunan dalam pertumbuhan nilai ditambah pada tahun 2019.

Carta 2.8: Komponen Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pertanian (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian

Pertumbuhan nilai ditambah PKS dalam **sektor pembinaan** meningkat secara marginal sebanyak 0.1% pada tahun 2019 berbanding pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 4.0% pada tahun 2018. Aktiviti pembinaan seperti perdagangan khas dan bangunan bukan kediaman terjejas berikutan bilangan dan saiz projek baharu yang lebih kecil dalam keadaan segmen harta tanah komersial mengalami lebih bekalan serta jumlah harta kediaman tidak terjual yang tinggi. Subsektor kejuruteraan awam yang didorong oleh sektor awam telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2019 disebabkan oleh penangguhan kerja pembinaan lebuhraya utama serta projek besar petrokimia yang telah selesai.

Pertumbuhan nilai ditambah PKS dalam **sektor perlombongan & pengkuarian** meningkat kepada 4.7% pada tahun 2019 (2018: 4.3%), dipacu oleh subsektor perlombongan & pengkuarian lain iaitu aktiviti pengkuarian batu, pasir dan tanah liat. Ini dijelaskan oleh fakta bahawa kira-kira tiga perempat daripada PKS dalam sektor perlombongan & pengkuarian sangat tertumpu dalam aktiviti pengkuarian. Produk bahan binaan tersebut yang paling banyak digunakan dalam sektor pembinaan seterusnya memberikan sokongan kepada sektor perlombongan & pengkuarian sepanjang tahun 2019.



Carta 2.9: Pertumbuhan Nilai Ditambah PKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian (%)




p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Guna Tenaga PKS

Pada tahun 2019, PKS di Malaysia menggaji seramai 7.3 juta orang berbanding 7.1 juta orang yang dicatatkan pada tahun 2018, menunjukkan peningkatan sebanyak 3.0%. Pertumbuhan guna tenaga PKS disokong oleh semua sektor kecuali sektor pembinaan yang mencatatkan pertumbuhan negatif sepanjang tahun 2019. Kadar guna tenaga sektor pembinaan yang lebih perlahan sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang semakin berkurangan khususnya penangguhan projek infrastruktur seperti yang digambarkan pada KDNK PKS dalam sektor pembinaan. Sementara itu, pertumbuhan guna tenaga PKS meningkat dengan kadar lebih pantas berbanding dengan guna tenaga keseluruhan dan guna tenaga Bukan PKS, iaitu masing-masing pada 2.1% dan 1.4% (rujuk Carta 2.10). Ini menunjukkan betapa pentingnya peluang yang ditawarkan oleh PKS.


Carta 2.10: Pertumbuhan Guna Tenaga PKS, Guna Tenaga Bukan PKS dan Guna Tenaga Keseluruhan (%)



p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Dari segi komposisi guna tenaga PKS mengikut sektor ekonomi, hampir dua pertiga (63.2%) daripada mereka bekerja dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam perdagangan borong & runcit. Guna tenaga PKS juga dijana oleh sektor pembuatan (16.3%) diikuti oleh pertanian (10.6%), pembinaan (9.7%) dan perlombongan & pengkuarian (0.3%) (rujuk Carta 2.11). Dalam sektor pembuatan, guna tenaga PKS sebahagian besarnya tertumpu dalam makanan & minuman dan tembakau serta produk mineral bukan logam, logam asas & logam yang direka.

Carta 2.11: Komponen Guna Tenaga PKS mengikut Sektor Ekonomi (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2.12: Perbandingan Sumbangan Guna Tenaga PKS (%)



* Metodologi yang disemak semula mengambil kira pekerja Kerajaan, pekerja dalam sektor tidak formal tidak termasuk sektor pertanian, perniagaan yang tidak berdaftar dalam sektor pertanian dan aktiviti penyumberan luar dalam pengiraan guna tenaga keseluruhan (penyebut)

p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan PKS kepada guna tenaga keseluruhan meningkat sebanyak 0.4 mata peratusan daripada 48.0% kepada 48.4% pada tahun 2019. Bahagian peratusan guna tenaga PKS telah disemak semula berdasarkan perubahan metodologi yang kini merangkumi pihak Kerajaan, sektor tidak formal tidak termasuk sektor pertanian, perniagaan yang tidak berdaftar dalam sektor pertanian dan aktiviti penyumberan luar dalam pengiraan guna tenaga keseluruhan yang menunjukkan sebagai penyebut. Berdasarkan guna tenaga keseluruhan baharu yang merangkumi 15.1 juta orang pada tahun 2019, sumbangan PKS kepada guna tenaga keseluruhan telah disemak semula kepada 48.4% daripada 66.5% jika dibandingkan dengan metodologi terdahulu (rujuk Carta 2.12). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pengiraan guna tenaga keseluruhan bagi metodologi terdahulu telah mengecualikan pihak Kerajaan, sektor tidak formal tidak termasuk sektor pertanian, perniagaan yang tidak berdaftar dalam sektor pertanian dan aktiviti penyumberan luar. Dengan menggunakan pakai metodologi yang telah disemak semula, guna tenaga keseluruhan menggambarkan keadaan guna tenaga yang sebenar di negara ini. Tambahan lagi, formula bagi pengiraan penyebut tersebut adalah sama dengan pengiraan KDNK keseluruhan untuk mendapatkan bahagian atau sumbangan KDNK PKS.

Produktiviti PKS


Produktiviti bagi setiap pekerja merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menghasilkan nilai ditambah atau keseluruhan pengeluaran. Ianya dikira dengan menggunakan nisbah nilai ditambah PKS pada harga malar terhadap guna tenaga PKS mengikut sektor ekonomi di Malaysia. Produktiviti pekerja PKS di Malaysia telah mengekalkan pertumbuhan yang stabil sejak beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun kadar pertumbuhan tersebut telah menurun sedikit. Pada tahun 2019, produktiviti pekerja PKS meningkat sebanyak

2.7% (2018: 2.9%) kepada RM75,457 setiap pekerja berbanding RM73,449 setiap pekerja pada tahun 2018. Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan produktiviti tertinggi iaitu sebanyak 3.7%, diikuti oleh perkhidmatan (2.8%), perlombongan & pengkuarian (2.5%) dan pembuatan (2.3%). Sementara itu, pertumbuhan produktiviti dalam sektor pertanian meningkat semula kepada 0.6% disebabkan oleh hasil kelapa sawit dan getah yang lebih tinggi pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, membandingkan nilai produktiviti sektor utama, sektor perlombongan & pengkuarian mempunyai tahap produktiviti tertinggi pada RM123,810

setiap pekerja, diikuti oleh pembuatan (RM91,904), perkhidmatan (RM75,656) dan pertanian (RM69,298). Sektor pembinaan mempunyai tahap produktiviti yang terendah pada RM43,527 iaitu menunjukkan bahawa industri berkaitan pembinaan perlu lebih agresif dalam menggunakan teknologi dan amalan moden untuk mengurangkan pekerja berkemahiran rendah.

Carta 2.13: Pertumbuhan Produktiviti PKS (%)




p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport PKS


Pada tahun 2019, PKS terus merekodkan pertumbuhan eksport yang positif sebanyak 2.6% (2018: 3.4%), walaupun permintaan luar yang lebih lemah, ketegangan perdagangan yang berterusan di antara Amerika Syarikat (AS) dan China serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah pada tahun tersebut (rujuk Carta 2.14). Bukan PKS, sebaliknya, jauh lebih terjejas kerana ia menguncup sebanyak 1.4%, penurunan pertama sejak tahun 2013.

Carta 2.14: Pertumbuhan Eksport PKS, Eksport Bukan PKS dan Eksport Keseluruhan (%)



p: permulaan
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2.15: Pertumbuhan dan Komponen Eksport PKS mengikut Sektor Ekonomi (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi eksport PKS didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang masing-masing merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.5% dan 2.0%. Eksport PKS dalam sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 50.7% daripada jumlah eksport PKS pada tahun 2019 dipacu oleh industri berkaitan pelancongan susulan peningkatan ketibaan pelancong, perkhidmatan perniagaan lain dan aktiviti pengangkutan. Sementara itu, eksport PKS dalam sektor pembuatan dijana terutamanya oleh jentera & kelengkapan pengangkutan, barang-barang keluaran perkilangan seperti pembuatan mineral, kaca dan aluminium serta barangan bahan kimia yang meliputi lebih daripada separuh jumlah eksport PKS dalam sektor pembuatan. Destinasi utama bagi eksport PKS dalam sektor pembuatan adalah Singapura yang merangkumi sebanyak 18.4% diikuti oleh China (9.3%) dan AS (7.5%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport PKS dalam sektor pertanian semakin menguncup iaitu sebanyak 9.8%, disebabkan oleh penurunan eksport PKS bagi sayur-sayuran, perikanan, penternakan unggas, pisang dan buah-buahan tropika lain seperti tembikai, jambu batu dan lain-lain. Tiga destinasi eksport tertinggi bagi PKS dalam sektor pertanian adalah Singapura, Jepun dan Thailand.

Bab 2